

# UMS, universiti Jepun anjur seminar antarabangsa

DE 14.03.2012 3

## Sherell Ann Jeffrey

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada Selasa mengorak setapak lagi dalam pemuliharaan marin melalui kerjasama dengan Kinky University, Jepun untuk mengadakan sebuah seminar antarabangsa mengenai sains marin dan akuakultur.

Pengarah Institut Penyelidikan Marin Borneo (BMRI) UMS Dr. Saleem Mustafa berkata, seminar itu bertindak sebagai platform bagi jabatan-jabatan kerajaan dan ahli-ahli akademik bertukar-tukar pengetahuan mengenai ekosistem marin dan pembangunan sumber makanan akuatik melalui perikanan dan akuakultur mapan.

Acara tiga hari itu dilancarkan Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Datuk Masidi Manjun, di Promenade Hotel di sini, Selasa. Beliau diwakili Pembantu Menteri, Datuk Ellron Alfred Angin.

Saleem berkata, acara itu bermula dengan siri seminar tahunan pada 2003 dikenali sebagai "Seminar Tahunan mengenai Sains Marin dan Akuakultur" memfokus kepada isu-isu kontemporari dan usaha untuk mengatasinya.

"Disebabkan jumlah peserta yang bertambah dan latar belakang mereka yang pelbagai, terdapat keperluan untuk membawa isu-isu kepentingan global yang lebih meluas kedalam skop perbincangan.

"Dengan itu, seminar tahunan itu diubah menjadi satu acara antarabangsa," katanya, sambil menambah, tema tahun ini ialah 'Pembangunan dan Pengurusan Mapan Sumber Akuatik dalam Iklim Yang Berubah'.

Dengan itu, beliau mengucapkan terima kasih kepada Direktorat Oceanografi Negara di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi kerana menaja acara tersebut serta mengalu-alukan Jabatan

Perikanan Negeri yang baru-baru ini menyertai seminar tersebut.

Sementara itu, Masidi menyatakan harapan agak seminar itu akan membincangkan tekanan perubahan iklim terhadap ekosistem marin dan menyelesaikan cabaran yang dihadapi oleh pengeluaran dan bekalan makanan laut yang selamat kepada masyarakat secara holistik.

Beliau mengakui tentang perhatian semakin besar yang diberikan terhadap pemuliharaan alam sekitar di Malaysia, terutamanya Sabah disebabkan kawasan pantainya yang luas, dengan itu minat mengenai kesan perubahan iklim terhadap ekosistem marin bolehlah difahami.

"Sebagai menteri yang bertanggungjawab terhadap tiga perkara yang saling berkaitan - pelancongan, kebudayaan dan alam sekitar, saya faham yang alam sekitar adalah penting untuk membolehkan kebudayaan dan pelancongan terus berkembang.

"Sudah tentu, masyarakat perlu menyesuaikan diri dengan perubahan alam sekitar, dan seminar antarabangsa seperti ini adalah perlu untuk memberi perhatian terhadap semua isu berkaitan alam sekitar daripada segi keselamatan dan kesejahteraan manusia.

"Kejahilan terhadap isu-isu alam sekitar di peringkat global pada masa lalu telah membawa kerosakan besar yang dikesan oleh sains hari ini, dan mewujudkan kesalinghubungan ekosistem dunia dan aktiviti manusia.

"Saya berhasrat untuk menyokong pembangunan perspektif baharu sistem sosio ekologi yang memberi respon terhadap iklim dan juga tekanan sosial dan ekonomi," katanya.

Pada acara itu, BMRI turut melancarkan risalahnya "Surge" yang bertujuan memberi maklumat mengenai sumber marin kepada semua peringkat masyarakat.